

Universiti
Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 3009-1616



Hak Cipta @ 2024 Bahagian PJIM&A UiTM Cawangan Pulau Pinang

Hak cipta terpelihara. Buku ini atau mana-mana bahagian daripadanya tidak boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa cara sekalipun tanpa kebenaran bertulis nyata daripada penerbit kecuali untuk penggunaan petikan ringkas dalam ulasan buku.

eISSN : 3009-1616

Konsep Reka Bentuk & Idea : Pn. Siti Rahimah Rosseli

Dicetak oleh Pusat Percetakan UiTM
Cetakan Kedua September 2024

Diterbitkan oleh:
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
UITM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

E-mel : pjimapenang@uitm.edu.my

No. telefon : +604-3822840

APA HABAQ HANGPA?
Buletin USR 2023 diterbitkan secara tahunan

PROGRAM CAKNA ILMU: MENEROKA PELUANG DAN MENCIPTA KEGEMILANGAN UNTUK GENERASI MUDA MASA DEPAN

**Siti Nur Fathini Muhsain,Nor Fadzilah Zainal , Dr. Nor Hidayah Harun,
Mohd Sukor Md Yusoff**


Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) telah menjalin kerjasama erat dengan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak Daerah Seberang Perai Utara (SPU) melalui pelbagai program pemerkasaan komuniti seperti Program Agropreneur Muda Fasa 1 dan Fasa 2, Program Kenali IT, Program Explorace, dan lain-lain lagi sejak bermula dari 2022.

Salah satu inisiatif terbaru adalah Program Cakna Ilmu, hasil kolaborasi antara UiTMCPP dan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak daerah SPU. Program yang berlangsung pada 7 Februari 2023 juga bersempena dengan sambutan Mega Charity Run

UiTM Cawangan Pulau Pinang ini bertujuan memberikan pendedahan kepada kehidupan kampus serta memupuk semangat dan motivasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Program ini menyasarkan seramai 120 pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 dari tiga Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) sekitar daerah Seberang Perai Utara, iaitu PAKK Kuala Muda, PAKK Pokok Machang, dan PAKK Taman Tun Dr Awang. Program ini telah dirasmikan oleh Ybrs Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) Universiti Teknologi MARA.

Objektif program ini adalah untuk memberikan peluang kepada peserta untuk menyertai program yang dianjurkan di UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP), mendedahkan peserta kepada pelbagai aktiviti dan program di kampus UiTMCPP, serta merangsang semangat belajar melalui aktiviti seperti Charity Run, Ceramah Motivasi, Sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK), dan Sesi Lawatan Sekitar Kampus UiTMCPP.





Diharapkan melalui program ini, para peserta akan memperoleh maklumat mengenai peluang melanjutkan pelajaran, khususnya di UiTMCPP. Selain itu, para peserta diharapkan akan mempunyai semangat motivasi dan keyakinan yang lebih tinggi dalam pelajaran untuk mencapai impian masing-masing. Jalinan program seperti ini juga dapat memantapkan kerjasama dan hubungan erat antara UiTMCPP dan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak Daerah SPU, yang telah lama terjalin, demi membantu dan memartabatkan generasi muda ke tahap yang lebih tinggi.





**Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA**